

PROJEK JIR (JIWAKAN INSAN REMAJA) ASAS KEJAYAAN SEKOLAH

Oleh
Tan Sun Seng
Pengetua
Sekolah Menengah Kebangsaan Jinjang
Kuala Lumpur

Pendahuluan

"Schools have responsibility to ensure that they provide an effective curriculum delivered in a safe and secure environment. Any behaviour that challenges a child's ability to learn should be managed [Sonia Blandford (1998)] A school environment provides the cornerstone for academic reform. By providing an equitable, accessible, healthy, supportive, secure and safe surrounding, the school and community support the educational goal that all children shall attain challenging and high standards, both personal and instructional" (School Environment Institute, Improving America's School Conference 1997)

Oleh yang demikian adalah jelas bahawa jika sesebuah sekolah hendak mencapai kecemerlangan, iklim sesebuah sekolah adalah mustahak. Seseorang pelajar dapat menunjukkan kecemerlangan apabila berada dalam iklim persekolahan yang teratur dan selamat.

Latar Belakang Sekolah

Sekolah Menengah Kebangsaan St Gabriel merupakan sebuah sekolah Gred B yang terdiri daripada 900 orang pelajar lelaki berbilang kaum iaitu 55% pelajar keturunan Cina, 30% pelajar keturunan Melayu dan 15% pelajar keturunan India. Sekolah ini terdiri daripada 2 blok, iaitu 1 blok satu tingkat dan 1 blok lagi dua tingkat mengandungi 14 bilik darjah, 2 makmal sains, 2 bengkel Kemahiran Hidup, 1 pejabat dan 1 bilik guru dan padang bola sepak.

Masalah dan Cabaran

Semasa saya mula bertugas sebagai Pengetua di Sekolah Menengah Kebangsaan St. Gabriel pada 1 April 1995, saya mengambil masa beberapa minggu untuk membuat "environment scanning" Saya telah mengenal pasti beberapa masalah yang menjadi cabaran kepada saya sebagai Pengetua sekolah ini.

Di antara cabaran-cabaran yang telah saya kenal pasti ialah:

- (a) 'Moral' pelajar yang rendah.
- (b) Hala tuju yang tidak jelas bagi pelajar, guru dan staf sokongan.
- (c) Iklim pembelajaran yang kurang mantap.
- (d) Kemudahan-kemudahan fizikal yang tidak memuaskan.

Walaupun bagaimanapun, saya mendapati terdapat kekuatan-kekuatan yang terpendam bagi sekolah ini, iaitu guru dan staf sokongan yang dedikasi dan muda (purata umur lebih kurang 35 tahun) Rujuk Rajah 1.

Rajah 1 : Jadual KLAP

Kekuatan (K) a. Guru dan Staf Sokongan yang dedikasi dan muda.	Kelemahan (L) a. Disiplin pelajar lemah. b. 'Moral' pelajar rendah. c. Hala tuju warga sekolah tidak jelas. d. Iklim Pembelajaran kurang mantap. e. Kemudahan fizikal kurang memuaskan.
Ancaman (A) a. Pandangan negatif masyarakat setempat. b. Terdapat banyak 'café siber' di luar kawasan sekolah.	Peluang (P) a. Kerjasama daripada PIBG dan Lembaga Pengelola. b. Bekas-bekas pelajar sedia membantu. c. Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan sedia membantu.

Projek JIR Asas Kejayaan

Melalui analisis KLAP dan juga perbincangan saya dengan staf kami bersetuju dengan pendapat Barbara Gross Davis (1999) bahawa pelajar-pelajar sebenarnya berminat terhadap pembelajaran tetapi mereka perlukan motivasi, cabaran serta rangsangan daripada guru.

Penyelidik-penyelidik seperti Lonsman (1984); Lucas (1990), Weinert and Kluwe (1987) dan Bligh (1971) telah mengkaji aspek-aspek dan situasi yang dapat merangsang dan meningkatkan motivasi pelajar dalam pembelajaran. Mereka berpendapat bahawa untuk meningkatkan motivasi pelajar, perkara-perkara berikut perlu dipertimbangkan:

- (a) memberikan maklum balas, positif selalu dan secepat mungkin untuk meyakinkan pelajar.
- (b) membantu pelajar dalam merealisasikan maksud dan nilai pembelajaran.

- (c) mewujudkan suasana yang positif, terbuka dan penyayang.
- (d) meningkatkan imej pelajar.
- (e) memberi peluang kepada pelajar untuk mengambil bahagian dalam segala aktiviti.

Walau bagaimanapun, tiada satu formula yang tunggal untuk meningkatkan motivasi pelajar. Terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi cara pelajar belajar dan motivasi pelajar (Bligh, 1971; Sass, 1989, Barbara Gross Dawis 1991); kehendak mencapai sesuatu, keyakinan, harga diri serta tabah dalam usaha mereka. Dan sudah pasti bahawa bukan semua pelajar dapat dirangsangkan atau dimotivasikan dengan nilai yang sama, kehendak atau kemahuan yang sama.

Oleh yang demikian, saya telah berbincang dengan Unit Bimbingan dan Kaunseling serta beberapa orang Guru Kanan secara detil dan melalui pembinaan jadual matriks (Rajah 2) beberapa program telah diperkenalkan dan kesemua program itu dirangkumkan di bawah tajuk Projek JIR (Jiwakan Impian Remaja).

Rajah 2 : Jadual Matriks KLAP

Persekitaran Dalam Persekitaran Luaran	Kekuatan - Guru dan Staf Sokongan yang dedikasi dan muda.	Kelemahan - Disiplin pelajar rendah. - 'Moral' pelajar yang rendah. - Hala tuju warga sekolah tidak jelas. - Iklim Pembelajaran kurang mantap. - Kemudahan fizikal kurang.
Ancaman - Pandangan negatif masyarakat setempat.	Strategi KA - Menghebohkan kejayaan-kejayaan pelajar - Mengadakan program kelas tambahan	Strategi LA - Mengetatkan disiplin - Meningkatkan imej pelajar. - Menentukan Visi dan Misi sekolah. - Mendapatkan pelbagai bantuan untuk tingkatan kemudahan serta wujudkan iklim pembelajaran positif.

Peluang	Strategi KP	Strategi LP
- Kerjasama daripada PIBG dan Lembaga Pengelola. - Bekas-bekas pelajar sedia membantu.	- Mendapatkan kerjasama PIBG dan Lembaga Pengelola bagi membiayai kelas tambahan, bahan rujukan. - Mendapatkan kerjasama bekas-bekas pelajar untuk memberi kelas tambahan.	- Mengadakan siri ceramah oleh Polis dan pemimpin setempat untuk memotivasikan pelajar-pelajar. - Membincang dan memujuk PIBG, Lembaga Pengelola serta bekas pelajar membantu meningkatkan kemudahan sekolah.

Matlamat Projek JIR

Matlamat-matlamat projek JIR di antaranya adalah :

1. Menjadikan murid-murid di sekolah ini sebagai seorang individu yang bermotivasi tinggi.
2. Mewujudkan sikap bertanggungjawab kepada semua guru dalam usaha meningkatkan pencapaian pelajar.
3. Mempertingkatkan motivasi diri murid bagi memperoleh kecemerlangan.
4. Memperkayakan murid dengan pelbagai kemahiran untuk menghadapi peperiksaan.
5. Menggalakkan guru-guru bergerak secara kumpulan untuk membantu murid memperoleh kecemerlangan.
6. Menjadikan sekolah sebagai suatu tempat yang menyeronokkan dan selesa kepada semua murid untuk belajar serta membuat ulang kaji.
7. Mempertingkatkan tahap pencapaian sekolah dalam peperiksaan PMR dan SPM.
8. Memberikan perhatian yang sewajarnya kepada semua murid serta merangsang mereka melibatkan diri untuk memperoleh kecemerlangan.

Objektif Projek JIR

Objektif yang ingin dicapai melalui projek JIR ialah :

1. Mengenal pasti trend-trend personaliti murid-murid yang akan menghadapi peperiksaan pada tahun berkenaan.

2. Memotivasikan murid-murid dengan menggunakan pendekatan Psikosimatik iaitu memusatkan pemikiran murid kepada kecemerlangan.
3. Mengesan kekuatan dan kelemahan murid dalam setiap mata pelajaran yang diambil.
4. Mempelbagaikan teknik-teknik belajar yang berkesan kepada semua murid.
5. Merancang masa belajar atau masa untuk mengulang kaji kepada semua murid.
6. Membantu murid menjawab pelbagai bentuk soalan melalui bank soalan atau melalui buku-buku latihan yang dibeli untuk mereka.
7. Menyediakan tempat belajar yang sesuai dan selesa untuk semua murid.
8. Mewujudkan kumpulan Mentor-Mentee, iaitu terdiri daripada tiga orang murid sahaja bagi seorang mentee.
9. Membantu murid mendisiplinkan diri semasa belajar atau membuat ulang kaji.
10. Mengingat dan merangsang murid dengan tanggungjawab dan matlamat yang ingin dicapai dalam peperiksaan yang dihadapi.

Strategi Perlaksanaan

Projek JIR ini dilaksanakan secara berperingkat-peringkat. Terdapat beberapa program yang dilaksanakan dalam projek ini iaitu Program Motivasi, Program Penetapan Matlamat, Program Suria Pagi, Program Muridku-Anakku, Program Pupuk, Program 88, Program Ceramah dan Program Bacalah Sayang.

Program-Program yang dirancang di bawah Projek JIR ini dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mengikut keperluan murid-murid.

Program Motivasi

Program motivasi dilaksanakan pada awal persekolahan iaitu dalam bulan Januari hingga bulan November. Program ini mengandungi tahap-tahap tertentu iaitu :

- | | | |
|-----------|---|----------------------------------|
| Tahap I | : | Penghargaan Diri |
| Tahap II | : | Penetapan Matlamat |
| Tahap III | : | Kemahiran Belajar |
| Tahap IV | : | Kemahiran Menghadapi Peperiksaan |

Penghargaan Kendiri memainkan peranan yang amat penting dalam usaha mencapai kejayaan. Tanpa Penghargaan Kendiri seseorang itu seolah-olah tiada daya pendorong yang kuat dari dalam untuk maju dan seterusnya memperoleh kecemerlangan (Robert Harris,1999). Penghargaan Kendiri yang dimiliki oleh seseorang itu akan menimbulkan keyakinan seseorang individu kepada sesuatu yang dikerjakannya.

Bagi memperoleh sesuatu kejayaan seseorang itu perlu mempunyai disiplin yang tinggi dan juga mempunyai Penghargaan Kendiri yang tinggi. Berdasarkan kepada imaginasi seseorang

itu akan menjadi kreatif dan akhirnya akan melahirkan sesuatu inovatif. Murid-murid perlu mempunyai matlamat yang jelas dan jitu, tanpanya usaha yang dijalankan akan menjadi sia-sia dan tidak bermakna (Marilyn Atherley, 2002).

Program Motivasi yang dirancang ini bertumpu kepada beberapa tahap yang perlu dilalui oleh setiap murid. Setiap tahap yang dirancang akan disertai dengan aktiviti-aktiviti yang dapat mendorong serta membantu pelajar mencapainya. Tahap Pertama murid-murid perlu mempunyai cita-cita yang tinggi dan juga mempunyai Penghargaan Kendiri yang tinggi. Tahap Kedua murid-murid perlu berani untuk menentukan matlamat yang ingin dicapai secara jelas dan jitu. Tahap Ketiga murid-murid perlu ada teknik dan cara belajar yang betul serta berkesan. Pada tahap ini murid-murid akan membuat pilihan teknik belajar yang sesuai untuk dirinya, di samping itu mereka juga disediakan dengan aktiviti-aktiviti tambahan yang lain. Tahap Keempat pula murid-murid perlu mempunyai cara atau teknik menjawab yang baik dan berkesan di samping mempunyai kemahiran dalam pengurusan masa.

Rasional

Usaha yang terancang dan bersungguh-sungguh pastinya akan menghasilkan kejayaan. Program Motivasi ini dirancang berdasarkan kepada latar belakang murid-murid yang belajar di sekolah ini. Kebanyakan murid-murid yang belajar di sekolah sini mempunyai latar belakang yang sederhana dan mempunyai cita-cita yang rendah serta tiada matlamat yang jauh dan terancang.

Tahap Pertama dibuat bertujuan untuk membuka bendungan di kalangan murid-murid supaya mempunyai cita-cita yang besar dan tinggi. Mereka perlu didedahkan dengan tuntutan persekitaran dan tuntutan kerjaya sekarang. Murid-murid didapati tiada model-model yang baik untuk terus berjaya. Mereka kurang persaingan dan seolah-olah berasa selesai dengan keadaan yang sedia ada di perkitaran mereka. Orentasi dan model-model yang lebih mencabar perlu diberikan kepada setiap pelajar.

Tahap Kedua ialah tahap di mana murid-murid telah berupaya untuk menyatakan matlamat yang ingin serta akan dicapai. Matlamat ini terdiri daripada Jangka Pendek dan Matlamat Jangka Panjang. Keselarasan perlu berlaku dalam diri murid-murid iaitu mereka perlu berani untuk menuliskan matlamat yang ingin dicapai dengan jelas dan jitu.

Tahap Ketiga akan mendedahkan murid-murid dengan pelbagai teknik belajar yang berkesan. Teknik-teknik belajar ini termasuk cara membuat nota, cara membaca, membuat jadual waktu, pengurusan masa serta motivasi. Matlamat yang telah terbentuk dalam diri murid-murid itu perlu sama-sama digilap supaya ia akan terus bersinar dan bercahaya.

Tahap Keempat mendedahkan pelajar kepada teknik menjawab soalan-soalan peperiksaan. Ilmu yang dimiliki oleh murid-murid itu adalah bahan mentah yang perlu diuli dan dicanai dengan sempurna. Pada tahap ini murid-murid akan didedahkan dengan pelbagai teknik menjawab soalan dengan cara latihan, ceramah, tontonan video dan sebagainya.

Semoga keempat-empat tahap yang dirancang untuk mereka ini akan dapat membantu mereka mencapai kejayaan dan kecemerlangan. Matlamat yang jelas dan jitu diikuti dengan usaha yang berterusan pastinya akan membuahkan hasil seperti yang diharapkan.

Matlamat

Program Motivasi Tingkatan 3 & 5 ini dirancang dan dilaksanakan di Sekolah Menengah Kebangsaan St. Gabriel adalah bertujuan mencapai beberapa matlamat berikut :

- a. Memastikan setiap murid di Tingkatan 3 & 5 mempunyai matlamat yang jelas dan jitu untuk menghadapi peperiksaan dan masa depan.
- b. Memastikan setiap murid mempunyai wawasan dan bermotivasi tinggi.
- c. Memastikan setiap murid mempunyai persediaan yang cukup untuk menghadapi peperiksaan.
- d. Mewujudkan iklim pengajaran dan pembelajaran yang selesa untuk semua murid.
- e. Melahirkan murid-murid yang mempunyai perancangan dan kreatif dalam proses pembelajaran.
- f. Melahirkan murid-murid yang mempunyai penghargaan sendiri yang tinggi dan bersedia menghadapi cabaran.
- g. Meningkatkan peratus pencapaian sekolah dalam peperiksaan PMR dan SPM.
- h. Menimbulkan rasa tanggungjawab kepada setiap warga SMKSG terhadap tugas yang diamanahkan kepadanya.

Objektif

Program Motivasi Tingkatan 3 & 5 ini dirancang dan dilaksanakan di Sekolah Menengah Kebangsaan St. Gabriel ini bertujuan mencapai objektif berikut :

- a. Setiap murid di Tingkatan 3 dan 5 mengetahui personaliti mereka dan jelas dengan personaliti yang mereka miliki.
- b. Murid Tingkatan 3 dan 5 berupaya membuat matlamat yang dikehendaki dalam peperiksaan nanti secara objektif dan bertulis.
- c. Murid-murid mempunyai teknik belajar yang betul dan berkesan.
- d. Murid-murid mempunyai perancangan yang rapi dan teratur untuk menghadapi peperiksaan.
- e. Pencapaian murid-murid dalam peperiksaan yang diadakan semakin meningkat dan membanggakan.
- f. Murid mempunyai motivasi yang tinggi bagi menghadapi peperiksaan serta sentiasa bertindak untuk memperbaiki pencapaian diri.
- g. Murid-murid mempunyai disiplin diri yang tinggi serta rajin dalam membuat ulang kaji dan memberikan tumpuan semasa belajar.
- h. Tahap pencapaian pelajar sentiasa meningkat ke arah matlamat yang ditetapkan.

Tahap	Tarikh	Aktiviti	Peralatan / Kos	Personelia
1	Januari hingga Mac	1. Ujian Tread Personaliti 2. Tafsiran Tread Personaliti 3. Imaginasi / Orientasi 4. Motivasi - Penghargaan Kendiri - Kepimpinan - Set Matlamat - Berfikiran Positif - Kekuatan dan Kelemahan Diri - Penyelesaian	1. Kertas Edaran 2. Ceramah 3. Kaunseling Individu 4. Orientasi 5. Kaunseling Kelompok 6. Poster	1. Kaunselor Pelajar 2. Pentadbir Sekolah 3. Guru-guru
2	April	1. Borang Perjanjian Pelajar 2. Borang Akur 3. Ceramah 4. Program Motivasi	1. Borang 2. Kad	1. Kaunselor Pelajar 2. Penceramah 3. Pentadbir Sekolah 4. Guru-guru
3	Mei hingga Ogos	1. Kemahiran-kemahiran Belajar - Membuat nota - Pengurusan masa - Pengurusan stress 2. Kemahiran Membuat Keputusan 3. Menonton Video	1. Ceramah 2. Video 3. Taklimat 4. Edaran 5. Poster 6. Kaunseling Individu 7. Kaunseling Kelompok	1. Kaunselor Pelajar 2. Guru-Guru 3. Penceramah Jemputan
4	April	1. Teknik-teknik Menjawab Soalan Peperiksaan 2. Persediaan Untuk Menghadapi Peperiksaan 3. Kemahiran Membuat Jadual Waktu 4. Kemahiran Memahami Soalan	1. Video 2. Ceramah 3. Taklimat 4. Risalah 5. Kertas Edaran 6. Kaunseling Individu 7. Kaunseling Kelompok	1. Kaunselor Pelajar 2. Video 3. Penceramah 4. Pentadbir Sekolah 5. Guru-guru

Tata cara Program

- a. Program ini dimulakan pada bulan Januari dengan memberikan pelajar Tingkatan 3 & 5 ujian personaliti dan ujian minat.
- b. Program ini dijalankan secara berperingkat-peringkat secara dalaman dari kelas ke kelas iaitu dengan cara memasuki kelas ganti.
- c. Program ini kebanyakannya dilaksanakan oleh Kaunselor Pelajar.
- d. Pada tahap ke-2 murid-murid Tingkatan 3 & 5 mengisi PERJANJIAN PELAJAR dan KAD BELAJAR.
- e. Program Khas diadakan dalam situasi-situasi yang perlu seperti mengisi Perjanjian Pelajar, Teknik menjawab soalan.
- f. Murid-murid dibawa menonton video Teknik Belajar, Persediaan menghadapi Peperiksaan dan Teknik-Teknik menjawab soalan.
- g. Kumpulan murid-murid yang lemah atau ketinggalan diberikan perhatian yang lebih dan serius.
- h. Murid-murid diberikan bantuan Kaunseling Individu atau Kaunseling Kelompok.
- i. Kemajuan dan peningkatan pencapaian murid-murid sentiasa diikuti dan dikesan, mana-mana murid yang merosot akan dipanggil mengikuti sesi kaunseling oleh Kaunselor Pelajar atau oleh Pengetua.
- j. Pendekatan-pendekatan baru perlu sentiasa difikirkan dan dilaksanakan demi mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

Program Penetapan Matlamat

Program Penetapan Matlamat dijalankan secara fizikal dengan diadakan Borang Perjanjian Pelajar dan Kad Akur. Program ini diadakan dengan mengadakan Sesi Ceramah dan Program Motivasi.

Program Set Matlamat ini adalah lanjutan daripada Program Motivasi Tingkatan 3 & 5 yang telah dirancang. Program ini diadakan bertujuan untuk membantu murid-murid membuat jangkaan secara objektif tahap pencapaian yang ingin dicapai dalam peperiksaan PMR / SPM nanti. Kata Barbara Gross Davis (1999) "Research has shown that a teacher's expectations have a powerful effect on a student performance."

Pelajar Pintar Pelajar Cemerlang menjadi tema program ini. Tema ini menjadi dasar kepada program ini kerana jangkaan amat penting sebab jangkaan itu asal daripada imaginasi seseorang dan imaginasi itu dinyatakan secara objektif. Berdasarkan jangkaan yang dibuat maka seseorang itu akan memaksa dirinya untuk bertindak secara kreatif bagi merealisasikan jangkaan yang telah dibuat.

Tanpa imaginasi, seseorang itu tidak akan menjadi orang yang bermotivasi tinggi kerana tiada arah yang ingin dituju. Matlamat yang jitu dan jelas amat perlu dimiliki oleh seseorang bagi membolehkannya bergerak dan maju ke hadapan. Pada peringkat awal program dahulu murid-murid telah didedahkan dengan tred personaliti yang dimilikinya serta pembentukan konsep sendiri, berdasarkan ini mereka akan menggunakan kekuatan yang ada ke arah yang

sihat dan menguntungkan. Program ini melibatkan murid secara langsung menetapkan matlamatnya.

Tata Cara Program

Program Set Matlamat ini penting diadakan untuk murid-murid kerana mereka perlu menyatakan matlamat yang ingin dicapai dalam peperiksaan yang akan dihadapi dengan jelas dan jitu. Kata Barbara Gross Davis (1999) "It is important to help students to set achievable goals for themselves". Murid-murid perlu dilatih untuk bertanggungjawab dengan keputusan yang dibuat dan tidak sangsi dengan keputusan yang dibuat.

Program ini menyediakan borang Perjanjian pelajar (seperti Lampiran A) untuk diisi oleh murid-murid sendiri. Mereka perlu mengisikan borang itu sebanyak 4 salinan, ini bermakna murid-murid perlu mengulang matlamat yang ingin dicapai sebanyak 4 kali dan akhirnya mereka akan menurunkan tandatangan pada setiap helaian. Di samping itu murid-murid juga akan membacakan ikrarnya di hadapan ibu bapa mereka dan meminta mereka turunkan tandatangan.

Program ini perlu dilakukan dengan serius dan terancang supaya murid-murid dapat menghayati objektif sebenar diadakan program ini. Murid-murid perlu melibatkan diri secara langsung dengan aktiviti-aktiviti yang diadakan. Dalam program ini juga murid-murid akan diberi ceramah yang bertajuk PENETAPAN MATLAMAT oleh penceramah yang dijemput khas. Ceramah dan aktiviti yang dirancang diharap akan dapat menimbulkan minat dan pandangan jauh murid untuk bertindak.

PERJANJIAN PELAJAR yang diadakan ini akan menjadi panduan dan pedoman kepada murid untuk terus bertindak dan berusaha begitu juga kepada pihak sekolah. Matlamat yang ditetapkan ini juga dapat membantu pihak sekolah untuk mencapai sasarannya.

Matlamat

Program Set Matlamat ini diadakan bertujuan untuk mencapai matlamat berikut:

- a. Murid-murid mempunyai visi dan matlamat dalam menghadapi peperiksaan.
- b. Murid-murid mempunyai asas untuk memotivasikan diri sendiri.
- c. Berupaya melihat ke dalam diri sendiri iaitu dari segi kekuatan dan kelemahan diri.
- d. Bersama-sama membantu pihak sekolah merealisasikan sasaran yang dibuat.
- e. Membentuk murid-murid yang berani, cergas serta bermotivasi tinggi.
- f. Menjadikan pelajar seorang yang sensitif dengan peperiksaan.

Objektif

Objektif yang ingin dicapai dalam program ini ialah:

- a. Menyatakan matlamat yang ingin dicapai dalam peperiksaan secara objektif.
- b. Mempunyai matlamat yang jelas dan jitu.

- c. Mempunyai strategi dan cara belajar yang terancang dan teratur.
- d. Mempunyai perancangan masa yang baik dan sistematik.
- e. Mempunyai teknik belajar yang pelbagai dan berkesan.

Penutup

Program yang dirancang dan dilaksanakan ini bermula pada pukul 7.30 pagi dan berakhir pada jam 12.30 tengah hari. Di akhir program ini pelajar mengisi borang Perjanjian Pelajar (seperti lampiran A) dan mendapat Kad Akur. Borang Perjanjian Pelajar yang diisi dibawa balik oleh pelajar untuk ditandatangani oleh penjaga dan perlu dibawa balik ke sekolah dan diserahkan kepada guru tingkatan masing-masing untuk tindakan selanjutnya. Borang Perjanjian Pelajar itu satu akan disimpan oleh Pengetua (Warna Merah), Kaunselor (Warna Hijau), Pelajar (Warna Kuning) dan Guru Tingkatan (Warna Biru) Kad Akur akan sentiasa dilihat oleh semua guru dan guru berkongsi teknik belajar di kalangan pelajar.

Program "Suria Pagi"

Program Suria pagi diadakan pada setiap pagi iaitu pada hari Isnin, Selasa dan Rabu selepas perhimpunan. Program ini diadakan di mana murid menyebut moto perjuangan mereka iaitu 'SAYA BOLEH' bagi Tingkatan 3 dan 5. Tingkatan 3 dan 5 dirangsang dengan slogan 'SPM CEMERLANG'. Semasa menyatakan moto murid akan melakukan sedikit pergerakan.

Program Motivasi Suria Pagi diadakan bertujuan menyuburkan niat belajar di kalangan murid-murid. Program ini dilaksanakan pada setiap hari iaitu pada hari Isnin, Selasa, Rabu, Khamis dan Jumaat. Program ini tidak mengambil masa yang panjang cuma anggaran 10 minit sahaja.

Para pelajar perlu sentiasa diingatkan dengan VISI yang diamanahkan kepada mereka iaitu belajar dan sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan pencapaian diri. Di dalam usaha mereka mencapai matlamat yang telah dikenal pasti iaitu matlamat yang jelas dan jitu, mereka sering terdedah dengan pengaruh persekitaran kerana manusia ini sememangnya semula jadi mempunyai sikap suka bertangguh-tangguh dan alpa.

Sorakan pagi yang dilakukan lebih merupakan anti dot untuk mereka. Anti dot yang digunakan untuk murid-murid Tingkatan Tiga ialah CEMERLANG PMR manakala untuk murid-murid Tingkatan Lima pula ialah CEMERLANG SPM selepas guru menyebut perkataan SAYA CEMERLANG. Sorakan itu dilakukan dengan serius dan bersemangat kerana ia perlu datang dari dalam hati murid-murid itu sendiri bukannya cuma setakat di mulut sahaja. Selain anti dot ini terdapat juga berbagai-bagai lagi anti dot yang disarankan kepada mereka untuk digunakan.

Untuk mencapai kecemerlangan, sikap yang positif dan bersungguh-sungguh amat penting. Menurut kajian yang pernah dibuat sikap mempengaruhi 85% dan kemahiran cuma diperlukan sebanyak 15% sahaja. Pembentukan sikap yang positif dan keyakinan yang tinggi dalam diri murid-murid ini dijangkakan mereka pasti akan memperolehi kejayaan.

Rasional

Persekitaran yang tidak mencabar dan ditambah lagi dengan sikap suka bertangguh-tangguh, murid-murid akan gagal untuk merealisasikan matlamat yang telah dinyatakan. Program ini merupakan tindakan susulan kepada program-program yang telah dan akan dilaksanakan.

Setiap pagi pelajar perlu diperingatkan dengan visi dan laungan anti dot yang dilakukan akan menguatkan lagi tekad dan azam mereka. Sorakan anti dot itu dilakukan sebanyak tiga kali dengan penuh semangat dan bersungguh-sungguh. Usaha ini akan dapat menghindarkan cita-cita dan semangat murid-murid daripada pudar. Kesungguhan kita memberi peringatan ini tentunya akan dapat mempengaruhi azam dan tekad murid-murid.

Program yang dirancang dan dilaksanakan ini secara tidak langsung juga dapat menunjukkan kepada murid-murid bahawa pihak sekolah sentiasa bersama mereka berusaha untuk mencapai kecemerlangan. Dengan cara ini dirasakan tiada pelajar yang akan rasa diri mereka ditinggalkan dalam mengejar kejayaan. Mereka berhak menentukan kejayaan ke atas diri mereka kerana bantuan dan galakan sentiasa diberikan.

Semasa program dijalankan, peringatan-peringatan ringkas sentiasa diberikan kepada murid-murid. Peringatan yang diberikan secara tidak langsung ini diharap lebih meninggalkan kesan yang mendalam dalam diri murid-murid daripada peringatan yang diberi terlalu panjang dan membosankan pelajar.

Matlamat

Program Motivasi Suria Pagi ini merupakan lambang penyuburan dan mempunyai beberapa matlamat yang ingin dicapai iaitu :

- a. Memotivasikan murid-murid supaya sentiasa segar dan subur untuk berjaya.
- b. Mencegah perasaan dan semangat murid-murid daripada pudar atau menjadi luntur.
- c. Membantu murid untuk sentiasa berusaha memperbaharui azam dan tekad.
- d. Menunjukkan kepada murid-murid bahawa pihak sekolah sentiasa berusaha untuk membantu mereka untuk berjaya.
- e. Menyedarkan murid-murid bahawa kejayaan itu adalah tanggungjawab mereka.
- f. Menyedarkan murid-murid bahawa mereka tidak ditinggalkan untuk berjaya.

Objektif

Objektif yang ingin dicapai dalam program ini ialah :

- a. Murid menyatakan azam mereka dengan tegas dan bersemangat.
- b. Murid melibatkan diri mereka secara langsung dalam program ini.
- c. Murid memberikan tumpuan dan perhatian yang serius.
- d. Murid sentiasa bekerjasama menuju kejayaan.
- e. Murid sentiasa menerima motivasi serta maklumat terbaru untuk berjaya.

Strategi Tindakan

Program Motivasi Suria Pagi yang dilaksanakan ini menjurus kepada perhimpunan pagi. Selepas sahaja perhimpunan dijalankan murid-murid Tingkatan 3 atau Tingkatan 5 diminta tunggu di tempat perhimpunan. Sebelum murid-murid menyatakan anti dot mereka akan diberikan kata-kata berbentuk motivasi. Ceramah pendek ini disampaikan oleh Ahli Jawatankuasa Program. Program berjalan selama 10 minit, di akhir program murid diminta menyatakan anti dot mereka bila Kaunselor meneriak perkataan 'Cemerlangan Gabriels-' dan murid menjawab "Saya Cemerlang" untuk pelajar Tingkatan 5 dan 3.

Penutup

Program yang dilaksanakan ini tentunya akan mencapai kejayaan sekiranya terdapat kesungguhan dan kerjasama yang mendalam daripada semua guru. Program ini juga mampu melatih semua murid untuk bekerjasama dalam menghadapi sesuatu terutamanya peperiksaan. Rasa kerjasama yang terbentuk menimbulkan rasa suka dan cintakan sekolah dan seterusnya menganggap sekolah itu sebuah syurga dan indah.

Program "Muridku-Anakku"

"Students respond with interest and motivation to teachers who appear to be human and caring." (Robert Harris, 1991). Oleh itu atas keprihatinan guru-guru terhadap kesungguhan usaha murid-murid di Sekolah Menengah Kebangsaan St. Gabriel untuk memperoleh kecemerlangan dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia, maka tercetuslah program ini.

Program ini dirancang atas persetujuan dan kerelaan guru-guru di sekolah ini. Program yang dijalankan ini tidak melibatkan semua pelajar, ia cuma melibatkan seramai 45 orang pelajar Tingkatan Lima yang telah dikenal pasti benar-benar perlukan bimbingan dan perhatian daripada seseorang. Pengisian program ini lebih menekankan kepada usaha dan kesungguhan murid-murid untuk menjayakan dirinya. Modul program ini lebih menekan kepada tindakan murid terhadap mentornya bukan tindakan mentornya terhadap murid. Mentor berperanan menggalak, merangsang dan membuat jangkaan yang positif terhadap menteenya selari dengan tema yang telah dipilih.

**Program Muridku-Anakku
Pemilihan Guru
(Borang Contoh)**

NAMA ANAK	NAMA GURU
1. 2. 3. 4.	1. 2. 3. 4.
1. 2. 3. 4.	1. 2. 3. 4.
1. 2. 3. 4.	1. 2. 3. 4.
1. 2. 3. 4.	1. 2. 3. 4.
1. 2. 3. 4.	1. 2. 3. 4.

Strategi Tindakan

Program Muridku-Anakku ini perlu diadakan berdasarkan kepada beberapa kekangan yang dihadapi oleh kebanyakan murid untuk menghadapi peperiksaan. Masalah utama yang dihadapi oleh kebanyakan murid ialah kurang mendapat perhatian daripada ibu bapa. Ibu bapa murid-murid kebanyakannya sibuk dengan urusan harian sehinggakan tiada masa untuk anak-anak mereka. Kurangnya perhatian yang diberi mengakibatkan potensi yang ada dalam diri murid-murid akan luput dan ini amat merugikan mereka. Program ini cuba untuk menjadikan guru sebagai pengganti peranan ibu bapa di sekolah bagi murid-murid yang tidak mendapat perhatian dan galakan daripada ibu bapa. Di samping memberikan perhatian guru juga berperanan sebagai sahabat kepada murid. Mentor yang dipilih menjadi sahabat kepada murid-murid untuk berbincang secara positif dan membina. Dorongan dan penghargaan amat penting kepada murid-murid untuk mencapai apa yang diusahakan, tanpa dorongan usaha mereka akan menjadi sia-sia. Harapan serta pertolongan yang diberikan oleh guru terhadap muridnya menjadi sumber motivasi yang kuat kepada mereka. Bilangan murid yang ramai akan menyukarkan guru untuk berkongsi pengalaman atau teknik belajar dengan mereka, kekangan ini perlu diatasi demi kejayaan murid-murid. Berdasarkan kepada kekangan di atas maka program Mentor-Mentee ini dirasakan perlu dan

amat bermakna kepada murid-murid terutamanya mereka yang akan menghadapi peperiksaan pada tahun ini.

Matlamat

Program Muridku-Anakku ini dirancang dan dilaksanakan bertujuan untuk mencapai matlamat-matlamat seperti berikut :

- a. Mempunyai rasa yakin dan percaya kepada kebolehan diri untuk berjaya dengan cemerlang dalam peperiksaan.
- b. Menanamkan sikap percaya kepada orang lain dan menghargai pertolongan atau bantuan yang diberikan oleh seseorang.
- c. Mempunyai sikap bertanggungjawab terhadap pelajaran serta rasa bertanggungjawab memenuhi harapan orang lain.
- d. Wujudnya hubungan mesra antara guru dengan murid.
- e. Mempunyai cara gaya belajar yang pelbagai dan betul.
- f. Mempertingkatkan peratus pencapaian SPM.

Objektif

Objektif yang ingin dicapai dalam program Muridku-Anakku ini ialah :

- a. Murid-murid sering bertemu dengan guru untuk berbincang tentang masalah belajar dan strategi untuk menghadapi peperiksaan.
- b. Murid-murid bertanggungjawab dan mempunyai strategi yang baik untuk menghadapi peperiksaan.
- c. Pencapaian murid-murid dalam setiap peperiksaan yang diadakan semakin meningkat.
- d. Murid-murid mempunyai kemahiran belajar yang mencukupi.
- e. Murid-murid mampu menguruskan masa dengan baik dan berkesan.
- f. Mempunyai matlamat yang jitu dan jelas.
- g. Murid-murid mampu menggunakan kekuatan yang ada pada diri untuk belajar dengan optima.

Program "88"

Program 88 diadakan menjurus kepada menyemak dan mengingatkan kembali murid-murid kepada matlamat yang telah dikenal pasti oleh murid. Semasa program ini kekuatan dan kelemahan murid dikenal pasti dan perbincangan bersama murid dilakukan.

Sikap dan matlamat adalah merupakan faktor penggerak yang sangat penting, seperti mana kata pepatah Melayu di mana ada kemahuan di situ ada jalan. Ini bererti semangat dan kemahuan merupakan pembuka tirai atau modal terpenting yang mesti dimiliki oleh setiap orang murid yang ingin berjaya dalam peperiksaan.

Berjaya dalam bidang pelajaran tidak boleh disamakan dengan angan-angan atau kalau boleh atau cuba-cuba. Kemahuan untuk lulus mestilah membawa maksud pasti jaya atau pasti berjaya. Kemahuan dan usaha membawa dua maksud perkataan yang berbeza begitu juga dalam amalannya. Kemahuan membawa maksud keinginan atau tekad yang berkait rapat dengan hati dan perasaan manakala usaha membawa maksud tindakan yang diambil serta dilakukan.

Kemahuan berkait rapat dengan sikap manakala usaha berkait rapat dengan kemahiran iaitu sentiasa mahukan penyuburan. Penyuburan hanya mampu dilakukan oleh murid yang bermotivasi tinggi, manakala murid-murid yang lain perlukan bantuan program-program yang telah dirancang dan dilaksanakan.

Rasional

Matlamat yang telah dibentuk akan menjadi pudar jika dibiarkan tanpa diperingatkan selalu. Matlamat yang jitu itu akan mudah direalisasikan dengan adanya semangat yang kuat serta usaha serta usaha yang bersungguh-sungguh. Murid-murid perlu mempunyai semangat yang kuat untuk merealisasikan matlamat yang telah dibentuknya.

Kejayaan dan kecemerlangan cuma akan mampu dimiliki oleh murid-murid yang mempunyai keyakinan yang kuat terhadap diri sendiri, tanpa keyakinan diri yang kuat segala usaha dan bantuan yang diberikan akan menjadi sia-sia dan tidak bermakna. Untuk membina dan memupuk keyakinan pada diri sendiri yang tinggi terhadap murid-murid. Maka Program 88 ini diperkenalkan dan dilaksanakan.

Keyakinan diri itu wujud hasil daripada persepsi murid terhadap keupayaan dan kepercayaannya terhadap dirinya sendiri seperti yang disarankan oleh Robert Harris (1991) "Use positive emotions to enhance learning and motivation". Berdasarkan kepada konsep ini maka bantuan perlu diberikan kepada mereka supaya keyakinan pada diri sendiri murid-murid itu akan terus berkembang. Guru-guru dan rakan sebaya dikenal pasti sebagai agen yang memainkan peranan penting dalam mempertingkatkan kepercayaan murid-murid kepada diri mereka sendiri, jadi program ini menekankan kepada sikap acuh dan peranan guru yang serius dalam usaha membantu murid-murid khususnya mereka yang akan menghadapi peperiksaan.

Matlamat

Program 88 ini diwujudkan bertujuan untuk membantu murid menghadapi peperiksaan dan memperoleh kejayaan atau kecemerlangan. Matlamat yang ingin dicapai ialah:

- a. Mengekal dan mempertingkatkan keyakinan diri murid-murid bagi menghadapi peperiksaan pada tahun tersebut.
- b. Mengekalkan imej diri yang telah dibentuk oleh murid-murid iaitu menjadi seorang pelajar yang berjaya.
- c. Membantu murid membuat persepsi yang baik terhadap diri sendiri.
- d. Membantu dan memperkukuhkan jangkaan yang telah dibuat terhadap diri mereka sendiri.
- e. Memastikan matlamat sekolah menjadi kenyataan.

Objektif

Kejayaan untuk mencapai matlamat di atas akan terserlah jika Program 88 ini berjaya mencapai objektif-objektif berikut :

- a. Murid berupaya menyatakan imej diri mereka iaitu tanggapan diri mereka terhadap kejayaan yang akan diperoleh dalam peperiksaan kelak.
- b. Mengakui kekuatan dan kelemahan mereka dalam membuat persediaan untuk menghadapi peperiksaan kelak.
- c. Mengakui kekuatan dan kelemahan mereka dalam subjek-subjek yang diambil.
- d. Mempunyai orientasi bertindak terhadap kelemahan-kelemahan yang ada.
- e. Menyatakan masalah atau halangan yang dihadapi untuk merealisasikan matlamat dan cita-cita mereka.
- f. Mengekalkan jangkaan awal yang telah dibuat atau membuat jangkaan baru berdasarkan kemampuan mereka.
- g. Menerima pakai cadangan-cadangan atau alternatif-alternatif baru yang disarankan kepada mereka.

Strategi Tindakan

- a. Program 88 ini dijalankan di sepanjang waktu persekolahan.
 - b. Program ini mengutamakan bilangan murid yang akan ditemui oleh seseorang guru semasa pertemuan.
 - c. Pada dasarnya Program 88 menetapkan seramai 8 orang murid ditemui pada satu-satu masa kerana jumlah 8 orang itu adalah bilangan yang minimum untuk tujuan pertemuan kelompok.
 - d. Pertemuan boleh dilakukan di mana-mana sahaja tempat yang sesuai seperti mana Pengetua mungkin menemui murid di dalam biliknya, kaunselor di dalam bilik kaunseling dan sebagainya.
 - e. Semasa pertemuan guru akan menjurus kepada pencapaian murid dan membawa mereka melihat perjanjian yang telah dibuat.
 - f. Semasa pertemuan ini juga membantu memupuk keyakinan pada diri murid-murid yang ditemuinya dengan menekankan kepada jangkaan dan perancangan mereka.
 - g. Guru-guru juga perlu memberikan sokongan dan penghargaan kepada usaha dan tahap pencapaian yang telah dilakukan oleh murid di samping memberikan dorongan dan galakan.
 - h. Pertemuan dalam bentuk bulatan LDK di mana setiap individu yang berada dalam pertemuan itu diminta untuk memberikan saranan serta sokongan kepada rakan yang lain.
 - i. Guru boleh memanggil pelajar yang sekelas atau berlainan kelas.

Penutup

Program 88 ini diberikan nama demikian kerana program ini bermula pada bulan Ogos (8) dan bilangan murid yang ditemui ialah seramai 8 orang sahaja untuk satu sidang. Semoga dengan adanya pertemuan-pertemuan yang terancang ini diharap akan dapat membantu murid untuk terus berusaha bagi memaju dan meningkatkan diri mereka. Murid-murid perlu selalu mudah terlupa dan terpengaruh dengan sesuatu yang menarik atau akan terlalu mudah mengalah apabila dirasai gagal. Kekuatan dan sokongan dari guru serta rakan-rakan kumpulan yang ditemui ini kelak akan dapat memupuk serta mempertingkatkan keyakinan kepada diri mereka. Matlamat yang ingin dicapai oleh semua ialah berjaya di dalam peperiksaan yang dihadapi serta berupaya menghargai bantuan guru serta rakan-rakan.

Program "Bidik"

Program Bidik diadakan berdasarkan kepada murid-murid yang terlalu lemah atau yang telah tertinggal untuk mengikuti program-program yang diadakan. Program ini membidik murid untuk mengecilkan jumlah subjek yang akan diambil dalam peperiksaan.

Semangat dan kemahiran merupakan perkara penting yang perlu dimiliki dan dikuasai oleh murid untuk berjaya. Kedua-dua perkara ini diibaratkan seperti irama dan lagu yang tidak boleh dipisahkan. Tanpa salah satu daripadanya maka akan terganggu sistem atau perancangan yang telah dibuat.

Manusia adalah sejenis makhluk yang telah dijadikan mempunyai sikap suka berhubung di antara satu dengan yang lain. Perhubungan juga berlaku di antara manusia dengan persekitaran di mana ia saling mempengaruhi. Komunikasi yang wujud akan mendorong murid-murid menjadi lalai terutamanya dalam menjalankan tugasnya.

Manusia juga dijadikan dengan sifat yang sukakan hiburan, suka berlengah-lengah dalam menjalankan urusan, suka bersolek dan juga mempunyai sikap suka kepada pertandingan. Berdasarkan kepada sifat-sifat semula jadi yang dimiliki ini suatu usaha untuk menggilapnya perlu dilakukan supaya murid-murid ini tidak akan terus lalai dan alpa. Potensi yang ada pada diri mereka perlu digilap supaya ia akan terus berkembang serta menjadi mekar.

Rasional

Pelbagai program telah dirancang dan dilaksanakan di sekolah. Setiap program yang diadakan mempunyai matlamat dan objektifnya yang tersendiri. Matlamat dan objektif yang telah dicapai melalui program-program yang diadakan lama kelamaan akan menjadi pudar kerana tiadanya rangsangan daripada pihak lain.

Tindakan susulan dirasakan amat perlu dilakukan bagi setiap program sama ada secara langsung ataupun secara tidak langsung. Bilangan murid yang ramai di Tingkatan 3 dan 5 menjadi kekangan kepada usaha membuat susulan. Jumlah yang ramai juga menimbulkan kesukaran untuk melaksanakan proses susulan. Melihat kepada kekangan yang ada maka satu program perlu diadakan bagi tujuan membantu usaha membuat susulan.

Program Gilap yang dirancang ini merupakan satu program yang dapat memenuhi maksud di atas. Program ini mampu memberikan motivasi dalam bentuk rangsangan kepada murid-murid serta mampu untuk memperkayakan kemahiran yang telah dimiliki oleh murid-murid

serta mampu juga untuk memperbanyakkan alternatif kepada murid-murid untuk menyelesaikan masalah mereka.

Matlamat

Matlamat yang ingin dicapai melalui program ini ialah:

- a. Murid-murid mempunyai pelbagai bentuk rangsangan dari luar untuk terus menjadi individu yang bermotivasi tinggi.
- b. Mempunyai pelbagai alternatif untuk menyelesaikan halangan-halangan oleh murid-murid.
- c. Mempunyai pelbagai model yang boleh dijadikan sebagai panduan untuk mengekal dan mempertimbangkan sikap positif untuk berjaya.
- d. Sentiasa berfikiran positif dan berusaha merangsang untuk mengguna dan mempertingkatkan potensi diri yang ada.
- e. Sentiasa menyemak dan mengekalkan matlamat yang telah dibentuk oleh mereka secara sedar dan realiti.

Objektif

Objektif yang ingin dicapai melalui program ini ialah untuk:

- a. Sentiasa bermotivasi tinggi dalam usaha merealisasikan matlamat yang telah dibentuk dan diikrarkan.
- b. Berupaya untuk bertindak bagi mengatasi sebarang halangan dan rintangan yang dihadapi untuk berjaya dengan cemerlang.
- c. Mempunyai model-model yang boleh dijadikan panduan untuk berjaya.
- d. Berupaya menganalisis pencapaian yang telah diperolehi serta memilih alternatif yang sesuai untuk bertindak.
- e. Kaya dengan teknik memahami dan menjawab soalan-soalan peperiksaan yang baik dan berkesan.
- f. Berupaya mengurus masa dengan berkesan dan bermakna .
- g. Mempunyai wawasan yang lebih jelas dan jitu.

Strategi Perlaksanaan

- a. Untuk menggilap potensi diri yang ada dalam diri murid-murid maka mereka akan didedahkan dengan video-video yang berkaitan dengan motivasi.
- b. Dalam proses menonton video itu murid-murid dibahagikan mengikut tingkatan masing-masing.
- c. Semasa menonton video murid-murid diberi peluang untuk bertanya kepada kaunselor atau guru-guru yang ada.
- d. Selain menonton video, murid-murid juga didedahkan dengan ceramah-ceramah yang berkaitan dengan motivasi.

- e. Semasa ceramah diadakan murid-murid juga diberi peluang untuk bersoal jawab.
- f. Selain daripada menonton video dan ceramah murid-murid juga dilibatkan dengan bengkel-bengkel secara kelompok-kelompok kecil.
- g. Murid-murid dijemput dalam sesi-sesi kaunseling yang diadakan untuk membincangkan tentang pencapaiannya dan kekangan-kekangan yang dihadapinya untuk berjaya.
- h. Murid-murid juga sentiasa didedahkan dengan cara-cara menjawab soalan dalam pelbagai subjek yang diambil oleh guru-guru kanan atau guru-guru yang mengajar mata pelajaran tersebut.
- i. Berdasarkan kepada kad akur yang telah diberikan murid-murid diberikan bantuan dalam merapikan lagi cara gaya belajar yang telah dibuat atau diamalkan.

Penutup

Berdasarkan kepada rancangan yang diatur diharapkan murid-murid sedar bahawa usaha mereka untuk berjaya itu sentiasa mendapat sokongan daripada pihak sekolah terutamanya guru-guru yang mengajar sesuatu mata pelajaran. Penggilapan yang dibuat diiringi juga dengan pengimbuhan yang boleh memperkayakan mereka dengan keyakinan diri atau dengan kemahiran-kemahiran untuk menghadapi peperiksaan.

Program Gilap ini menekan kepada sikap dan kemahiran yang dimiliki oleh murid-murid bagi menghadapi peperiksaan. Murid-murid di sekolah ini kebanyakannya mempunyai keyakinan diri yang rendah, pengilapan yang dibuat merupakan sokongan atau rangsangan yang mereka harapkan. Penggilapan juga dilakukan kepada konsep 'smart' membuat persediaan menghadapi peperiksaan serta dari segi pengurusan diri kerana kedua-dua perkara ini juga memainkan peranan penting untuk mencapai kejayaan. Usaha-usaha yang dijalankan adalah berterusan.

Program "Pupuk"

Program Pupuk dilaksanakan kepada semua murid Tingkatan 3 dan Tingkatan 5. Program ini dilaksanakan pada setiap hari selepas waktu persekolahan serta pada hari Sabtu.

Murid-murid dibahagikan kepada kumpulan kecil dan diawasi oleh seorang guru yang mahir dalam mata pelajaran tertentu semasa murid-murid membuat latihan yang dibekalkan. Soalan-soalan itu mungkin dari bank soalan sekolah atau buku kerja yang dibeli oleh pihak sekolah. Contohnya jika Kelas Tingkatan 5A buat latihan Sejarah, maka Guru Sejarahlah yang akan ditugaskan supaya berkenaan dapat menjawab soalan-soalan murid.

Program "Bacalah Sayang"

Program ini diperkenalkan untuk meningkatkan lagi penguasaan pelajar dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

Setiap hari persekolahan, 15 minit sebelum pelajar-pelajar itu masuk ke kelas, mereka perlu membaca surat khabar secara beramai-ramai. Semua guru akan turut membaca bersama-sama pelajar. Bagi pelajar-pelajar menengah rendah mereka digalakkan membaca tentang

berita sukan, TV dan sebagainya iaitu bermula dengan minat mereka. Tetapi bagi pelajar-pelajar menengah atas mereka diberi tugas untuk membaca berita-berita tentang perkembangan ICT, perdagangan serta perkembangan di dunia. Selepas itu guru-guru bahasa akan sediakan soalan-soalan kuiz untuk menyoal pelajar. Di samping itu pelajar-pelajar juga dikehendaki membuat buku skrap berdasarkan tajuk-tajuk yang diberi oleh cikgu.

Tambahan pula pelajar-pelajar juga dikehendaki membaca satu jenis majalah seperti Fokus, Dewan Pelajar, Dewan Masyarakat dan sebagainya setiap bulan. Guru-guru diminta untuk menggunakan majalah-majalah itu sebagai bahan pengajaran dalam kelas.

Program Nilam juga telah disusun atur supaya setiap pelajar terlibat dalam membaca buku-buku cerita.

Kesimpulan

Program JIR telah dijalankan mulai 1996 hinggalah 2003 dan berdasarkan kepada pencapaian-pencapaian dalam bidang akademik (seperti dalam Jadual 1 dan 2) dan kokurikulum pelajar-pelajar sekolah ini maka boleh dikatakan Projek JIR telah mengubah keyakinan pelajar dan komuniti setempat terhadap Sekolah Menengah Kebangsaan St. Gabriel.

Rujukan

Blandford, Sonia (1998): *Managing Discipline in School*. New York.

School Environment Institute, Improving Amerika's Schools Conference (1997): *Creating a Positive School Environment*, New York.

Omardin Ashari (1999): *Pengurusan Sekolah Malaysia*.

Tim Brighouse (2001): *How to improve your school*; Great Britain.

Ford Rochelle Larkin (2004); *Motivating students by keeping it real*.

Harris Robert (1991); *Some ideas for motivating students*.

Davis Barbara Gross (1999); *Motivating students*.

Atherley Marilyn (2002); *Motivating students to learn*.